

Awas masuk perangkap laman sesawang berbahaya

APAKAH tanda-tanda yang menunjukkan sesebuah laman sesawang (web) itu dikompromi?
-Ting, Raub.

Bagi sesiapa melayari Internet, pasti akan ada tersalah teraip alamat URL (*Uniform Resource Locator*) bagi sesebuah laman sesawang yang hendak dilayari. Sebagai contoh, teraip alamat URL *fsktm.uthm.edu.mi* yang mana sebetulnya adalah *fsktm.uthm.edu.my*

Namun begitu, kesilapan yang sedikit ini boleh mengundang ancaman keselamatan siber kerana tersilap masuk ke laman sesawang yang dikompromi mengandungi *Malware* dan perangkap maklumat. Rupa bentuk laman web yang dikompromi ini menyerupai sama dengan laman sesawang sebenar yang mengaburi mata para pengguna. Taktik penipuan dan jenayah ini juga dikenali sebagai *typosquatting*.

Serangan siber *typosquatting* ini menyerang pengguna dengan kaedah penggunaan alamat URL dengan jenis domain berbeza daripada sebenar, ejaan URL yang salah dan lain-lain.

Apabila perkara ini berlaku, bagaimana pengguna akhir dapat membezakan antara sebuah laman sesawang palsu dengan yang sebenar dan mengetahui sesebuah laman sesawang itu telah dikompromi. Perkara ini adalah antara perbuatan berisiko oleh pengguna akhir dalam menangani masalah keselamatan siber bagi sesebuah organisasi.

Terdapat beberapa tanda yang boleh dikesani sama ada sesebuah laman web itu dikompromi atau tidak seperti dibincangkan seterusnya.

1 Sebuah laman sesawang tiruan yang kelihatan hampir menyerupai laman sesawang sebenar tetapi alamat URLnya berbeza daripada laman sebenar.

Klik pada ruangan alamat pelayar laman sesawang untuk mendapatkan alamat URL laman web tiruan tersebut. Sekiranya

Diskusi ICT



Bersama **FIRKHAN**
sembangict@yahoo.com

sambungannya terdapat dalam mesej atau e-mel, arahkan petunjuk komputer atau *cursor* ke atas alamat tersebut untuk mendapatkan alamat URL sebenar bagi sambungan tersebut.

2 Terdapat sesebuah laman web yang berulang-kali meminta memuat turun aplikasi komputer, aplikasi kemas kini atau menyatakan komputer tersebut telah dijangkiti virus. Berhati-hati dengan permintaan ini kerana ini adalah salah satu tanda berkemungkinan besar laman web tersebut telah dikompromi. Jangan sesekali memuat turun apa-apa aplikasi atau mengklik apa-apa butang yang diberi.

3 Sekiranya sesebuah laman sesawang itu tidak menggunakan sijil keselamatan digital atau protokol enkripsi seperti SSL (*Secure Socket Layer*) dan HTTPS, berkemungkinan besar laman web tersebut telah dikompromi. Ini boleh dilihat pada alamat URL sama ada menggunakan HTTPS atau HTTP.

4 Sekiranya menerima mesej atau e-mel yang mengandungi sambungan alamat URL sesebuah laman sesawang yang dicurigai dikompromi, jangan sesekali mengklik sambungan tersebut sesuka hati sebelum penyiasatan dibuat. Semak alamat URL tersebut menggunakan aplikasi keselamatan untuk mengetahui tahap

keselamatannya. Kadang kala sesebuah pelayar web atau enjin carian berupaya mengesan laman sesawang yang dikompromi ini. Jadi, ini memerlukan pemerhatian yang teliti daripada pihak pengguna.

5 Berhati-hati sekiranya ada perkara pelik atau tidak sepatutnya berlaku ketika mencapai laman web yang sah kerana berkemungkinan besar laman web itu dikompromi tanpa disedari pemiliknya. Sebagai contoh, ketika mencapai laman web Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, terdapat iklan penurunan berat badan dan sebagainya. Teknik serangan penggodaman jenis ini dikenali sebagai *watering hole attack*. Biasanya, pengguna akan dijangkiti dengan *Malware* dalam serangan ini.

Sentiasa berhati-hati ketika melayari internet, dapatkan pengetahuan berkenaan keselamatan siber dan sentiasa kemas kini aplikasi yang digunakan dapat mengurangkan berlakunya masalah keselamatan siber yang disebabkan oleh serangan laman web yang dikompromi ini.



**KOPERASI TELEKOM MALAYSIA BERHAD
(KOTA MAS)**

(No. Pendaftaran 1/1922)

Alamat Pejabat : No. 94, Tkt. 3, Wisma Kota Mas
Jalan Dato Haji Eusoff,
Kompleks Damai,
50400 Kuala Lumpur.

Alamat Peti Surat : Peti Surat 10615,
50718 Kuala Lumpur.

Telefon : 03-40427766

KENYATAAN

**Dermaiswa untuk Kelas Peralihan /
Tingkatan 1 dan Tingkatan 4 Tahun 2017**

Sukacita dimaklumkan bahawa permohonan Dermaiswa bagi tahun 2017 seperti di atas telah dibuka kepada anak-anak anggota Koperasi.

**Tarikh tutup permohonan adalah pada
28 Februari 2017, jam 4.00 petang.**

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi pejabat Urusetia Koperasi seperti alamat di atas.

MOHD GHANI BIN AGUS

Setiausaha Kehormat
Lembaga Pengurusan